

**Produk halal, kewangan syariah kembang teraju ekonomi halal
Utusan Malaysia
April 5, 2011**

KUALA LUMPUR 4 April - Sektor produk halal dan kewangan syariah akan menjadi asas utama kepada perkembangan baru ekonomi halal di negara ini.

Justeru itu, kata bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi, inisiatif menggabungkan kedua-dua sektor tersebut mampu menyokong usaha negara untuk menjadi peneraju dalam sektor ekonomi halal selain muncul sebagai negara hab halal dunia.

"Kedua-dua sektor halal ini ketika ini bernilai lebih AS\$ 2.3 trilion dan berkembang pada paras antara 15 hingga 20 peratus setiap tahun," katanya ketika berucap merasmikan Forum Halal Sedunia (WHF) Ke-6 di sini hari ini.

Forum dua hari yang diasaskan oleh KasehDia Sdn. Bhd. dan dianjurkan oleh Gabungan Integriti Halal Antarabangsa (IHI) itu dihadiri oleh lebih 600 delegasi dari 40 buah negara.

Abdullah menambah, perkembangan sektor ekonomi halal itu banyak disumbang oleh permintaan dan minat yang tinggi terhadap sektor makanan, farmasi, kosmetik, pelancongan dan kewangan Islam.

Selain saiz pasaran pengguna Islam yang besar iaitu membabitkan kira-kira 1.7 bilion penduduk Islam di seluruh dunia katanya, produk dan perkhidmatan berasaskan Islam juga semakin diyakini oleh pengguna bukan Islam.

"Ini menunjukkan bahawa sektor ekonomi Islam mempunyai potensi yang besar dan apa yang perlu menjadi keutamaan ketika ini ialah memberikan kefahaman yang menyeluruh kepada pengguna mengenai konsep produk halal yang sebenarnya," kata beliau.



ABDULLAH Ahmad Badawi menerima cenderamata daripada Pengarah Urusan KasehDia Sdn. Bhd., Jumaatun Azmi sambil diperhatikan oleh Pengarah World Halal Forum, Abdal Hamid Evans (kanan) pada Majlis Pelancaran Forum Halal Sedunia yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam.